

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)68

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

68. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan perkembangan Ekonomi Kitaran (Circular Economy) selain dari aktiviti kitar semula?
- (a) Apakah anggaran kasar nilai ekonomi kitaran di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah insentif disediakan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penglibatan swasta dalam ekonomi kitaran?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

68. Konsep ekonomi kitaran atau circular economy merupakan konsep guna, pulang dan cipta semula (use, return, and re-create) yang mana berbeza dengan linear economy sedia ada iaitu beli, guna dan buang (buy, use and throw).

Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah memasukkan elemen circular economy bagi menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan (waste to money) di dalam penggubalan Dasar Kebersihan Negara. Pada kini,

difahamkan circular economy blueprint Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat fasa akhir penelitian sebelum dilaksanakan dan dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang dikenalpasti.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk mengadaptasikan dasar-dasar yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memperkasakan ekonomi kitaran. Dalam melaksanakan konsep ekonomi kitaran, perkara ini memerlukan penyelarasan di peringkat Kerajaan Persekutuan kerana melibatkan pelbagai agensi kerajaan (inter agency) dalam merangka dan melaksanakan undang-undang dan dasar berkaitan bukan sahaja dalam bidang pengurusan sisa pepejal malah perlu melibatkan sektor pembuatan dan pembinaan.

Pada kini, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan juga sedang giat berusaha untuk merealisasikan Dasar Total Solution bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini. Objektif pelaksanaan dasar tersebut adalah untuk mengurangkan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan melalui inisiatif-inisiatif

yang dirancang iaitu pelaksanaan teknologi rawatan sisa pepejal seperti teknologi MRF dan ‘anaerobic digestior’ serta penerapan konsep ekonomi kitaran secara menyeluruh dalam membangunkan Penang Waste Eco Park atau Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung bagi menghasilkan biogas atau tenaga dan bahan mentah sekunder.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Agenda Hijau Pulau Pinang 2030, agensi pelaksana seperti Penang Green Council menerusi kumpulan kerja Ekonomi Hijau telah mencadangkan untuk mewujudkan Polisi Ekonomi Hijau (Waste Industry Policy) untuk Industri dalam usaha membantu sektor industri beralih ke teknologi dan sistem yang lebih mampan. Menerusi polisi ini, mekanisma dan instrumen berunsurkan ‘hijau’ dapat diperkenalkan dan ini akan meningkatkan kapasiti serta pengetahuan pihak terlibat mengenai konsep lestari dan ekonomi sekitaran. Hala tuju pengurusan sisa yang lebih lestari dan menyeluruh juga dapat membantu usaha mewujudkan ekonomi kitaran di Pulau Pinang.

(a) Satu kajian Roadmap Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Pulau Pinang 2050 telah dijalankan pada tahun 2022 dan

dianggarkan nilai kasar ekonomi bagi bahan kitar semula sahaja adalah sebanyak RM940,392.00 sebulan.

- (b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum memperuntukan sebarang insentif bagi mengalakkan syarikat-syarikat swasta untuk mengamalkan konsep ekonomi kitaran. Kerajaan Negeri akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan ini setelah mengambil kira kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri sebelum memutuskan sebarang cadangan-cadangan baharu.